

07 AUG 1996

Abdullah-Akta

M'SIA TENTANG TINDAKAN AS MAHU HUKUM FIRMA ASING DI LIBYA, IRAN

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Malaysia menentang tindakan Amerika Syarikat yang mengambil keputusan untuk menghukum firma asing yang melabur di Iran dan Libya kerana ia merupakan sesuatu yang berlawanan dengan prinsip kedaulatan, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

"Prinsipnya ialah kedaulatan kita tidak boleh di dicerobohi satu undang-undang yang membolehkan AS bertindak sesuka hati demi kepentingan negara itu," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Australia Alexander Downer, di sini.

Beliau mengulas langkah Presiden Bill Clinton yang Isnin lepas menandatangani satu rang undang-undang bertujuan menghukum firma asing yang melabur di kedua-dua negara terbabit yang disifatkan AS sebagai negara yang membantu penganas.

Abdullah berkata keputusan AS itu tidak akan diterima Malaysia kerana ia berlawanan dengan hak negara ini sebagai sebuah negara bebas yang sememangnya mempunyai hak untuk melakukan apa juga yang difikirkan wajar.

Beliau berkata Jemaah Menteri hari ini bersetuju supaya Menteri-menteri Ekonomi Asean membincang dan menetapkan pendirian Asean mengenai perkara itu sebelum membawanya ke Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Manila November ini.

Katanya Wisma Putra setakat ini belum mempunyai maklumat mengenai penglibatan golongan usahawan Malaysia di Iran dan Libya.

"Soal sama ada Malaysia mempunyai pelabur atau sebaliknya tidaklah penting. Yang penting ialah soal prinsip kebebasan dan hak sesebuah negara," katanya lagi.

Abdullah berkata Kesatuan Eropah juga dilaporkan tidak menerima tindakan terbaru AS itu dan anggota-anggotanya dikatakan sedang memikirkan cara untuk menjawab tindakan berkenaan.

Terdahulu ketika bercakap pada persidangan berita bersama selepas pertemuan itu, Abdullah berkata perbincangan mereka tidak sahaja menyentuh isu dua hala tetapi juga isu serantau termasuk persidangan kemuncak Apec yang akan datang, pembangunan Lembangan Mekong dan Forum Serantau Asean.

"Downer membayangkan keinginan Australia untuk turut menyertai pembangunan Lembangan Mekong yang merupakan satu lagi peluang kerjasama antara Malaysia dan Australia yang memberi manfaat kepada negara-negara Indochina," kata beliau.

Abdullah berkata terdapat lebih banyak bidang persamaan antara kedua-dua negara dan berkata beliau dan Downer berpuas hati dengan keadaan perhubungan antara kedua-dua pihak kini.

Ketika ditanya mengenai keadaan di Indonesia, Abdullah dan Downer melahirkan harapan agar kestabilan akan wujud semula di negara itu ekoran rusuhan yang berlaku di Jakarta baru-baru.

Downer juga menyatakan penghargaannya kepada sokongan Malaysia terhadap pencalonan Australia untuk menududuki kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Downer tiba di sini pagi ini untuk lawatan empat hari ke Malaysia yang bermula dengan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

MAM NMO